



# UNDANG-UNDANG MALAYSIA

---

CETAKAN SEMULA

---

## Akta 652

### AKTA PEMBANGUNAN KEMAHIRAN KEBANGSAAN 2006

*Mengandungi segala pindaan hingga 1 Julai 2006*

DITERBITKAN OLEH  
PESURUJAYA PENYEMAK UNDANG-UNDANG, MALAYSIA  
DI BAWAH KUASA AKTA PENYEMAKAN UNDANG-UNDANG 1968  
SECARA USAHA SAMA DENGAN  
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BHD  
2006

**AKTA PEMBANGUNAN KEMAHIRAN  
KEBANGSAAN 2006**

Tarikh Perkenan Diraja ... ... ... ... ... 15 Jun 2006

Tarikh penyiaran dalam *Warta* ... ... ... ... 29 Jun 2006

## **UNDANG-UNDANG MALAYSIA**

### **Akta 652**

### **AKTA PEMBANGUNAN KEMAHIRAN KEBANGSAAN 2006**

---

#### **SUSUNAN SEKSYEN**

---

#### **BAHAGIAN I**

#### **PERMULAAN**

##### **Seksyen**

1. Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa
2. Tafsiran

#### **BAHAGIAN II**

#### **MAJLIS PEMBANGUNAN KEMAHIRAN KEBANGSAAN**

3. Penubuhan Majlis
4. Fungsi Majlis
5. Keanggotaan Majlis
6. Timbalan Pengerusi
7. Setiausaha
8. Jawatankuasa
9. Pelantikan, pelantikan semula, pembatalan dan peletakan jawatan
10. Anggota hendaklah menumpukan masa kepada Majlis
11. Pengosongan jawatan
12. Mesyuarat
13. Majlis boleh mengundang orang lain menghadiri mesyuarat
14. Saraan atau elaun
15. Minit
16. Tatacara

**BAHAGIAN III****PELANTIKAN PEGAWAI**

Seksyen

17. Pelantikan pegawai
18. Pewakilan kuasa
19. Kuasa Menteri untuk memberikan arahan

**BAHAGIAN IV****STANDARD KEMAHIRAN PEKERJAAN KEBANGSAAN**

20. Penubuhan Standard
21. Kajian semula dan perubahan Standard
22. Penggunaan Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan

**BAHAGIAN V****PENTAULIAHAN**

23. Kriteria bagi pentauliahan
24. Permohonan bagi pentauliahan
25. Kuasa untuk melulus atau menolak permohonan
26. Sijil pentauliahan
27. Permohonan bagi pembaharuan pentauliahan
28. Kuasa untuk mengenakan syarat
29. Penggantungan atau pembatalan sijil pentauliahan
30. Notis penggantungan atau pembatalan sijil pentauliahan

**BAHAGIAN VI****RAYUAN**

31. Rayuan
32. Kuasa Menteri ke atas rayuan
33. Keputusan Menteri ke atas rayuan

BAHAGIAN VII

SIJIL DAN PENGIFTIRAFAN

Sekseyn

34. Penganugerahan Sijil
35. Kehendak yang hendaklah dipenuhi sebelum Sijil boleh dianugerahkan
36. Pengiftirafan kelayakan kemahiran lain

BAHAGIAN VIII

PEMERIKSAAN PENYEDIA LATIHAN KEMAHIRAN

37. Inspektor
38. Pemeriksaan hendaklah dibuat dari semasa ke semasa
39. Kuasa untuk memeriksa penyedia latihan kemahiran

BAHAGIAN IX

PENGUATKUASAAN DAN PENYIASATAN

40. Pegawai penguat kuasa
41. Kuasa pegawai penguat kuasa
42. Kuasa membuat pemeriksaan
43. Pengemukaan dokumen, dsb.
44. Penyitaan dokumen, dsb.
45. Permohonan waran geledah
46. Kuasa Majistret untuk mengeluarkan waran geledah
47. Kuasa untuk memasuki premis tanpa waran atau notis
48. Penggeledahan dan penyitaan tanpa waran
49. Kuasa untuk mengelak
50. Pengemukaan kad kuasa
51. Tiada hak ke atas kos prosiding, kerugian atau relief lain, dsb.

BAHAGIAN X

KESALAHAN DAN PENALTI

52. Pengambilan pelatih tanpa sijil pentaulahan
53. Larangan ke atas pengiklanan, dsb.
54. Kawalan pengiklanan

## Seksyen

55. Kesalahan dan penalti yang berhubungan dengan persijilan
56. Penalti bagi pelanggaran syarat
57. Kesalahan dan penalti yang berhubungan dengan permohonan yang dibuat di bawah Akta
58. Kesalahan dan penalti yang berhubungan dengan sijil pentaulahan
59. Kesalahan yang berhubungan dengan pemeriksaan, penguatkuasaan dan penyiasatan
60. Penalti am
61. Penalti dalam hal kesalahan yang berterusan
62. Kesalahan oleh pertubuhan perbadanan, dsb.
63. Tanggungjawab penyedia latihan kemahiran bagi kesalahan yang dilakukan oleh anggota lembaga pengarah, pegawai, pekerja atau ejen
64. Pengkompaunan kesalahan
65. Pemulaan pendakwaan
66. Anggapan

**BAHAGIAN XI****AM**

67. Pengiktirafan Sijil
68. Pekhidmat awam
69. Perlindungan daripada tindakan guaman dan prosiding undang-undang
70. Daftar
71. Obligasi kerahsiaan
72. Kuasa untuk membuat peraturan-peraturan
73. Kuasa Menteri untuk mengecualikan

**BAHAGIAN XII****PERUNTUKAN PERALIHAN DAN KECUALIAN**

74. Pentaulahan program latihan kemahiran selepas permulaan kuat kuasa Akta ini

## UNDANG-UNDANG MALAYSIA

### Akta 652

#### AKTA PEMBANGUNAN KEMAHIRAN KEBANGSAAN 2006

Suatu Akta untuk menggalakkan, melalui latihan kemahiran, pembangunan dan perbaikan keupayaan seseorang, yang diperlukan untuk kerjaya; dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara lain yang berkaitan dengannya.

[*1 September 2006, P.U. (B) 233/2006*]

**DIPERBUAT** oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

#### BAHAGIAN I

#### PERMULAAN

##### **Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa**

**1. (1)** Akta ini bolehlah dinamakan Akta Pembangunan Kemahiran Kebangsaan 2006.

(2) Akta ini mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta* dan Menteri boleh menetapkan tarikh yang berlainan bagi permulaan kuat kuasa peruntukan yang berlainan dalam Akta ini.

**Tafsiran**

2. Dalam Akta ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“iklan” ertinya apa-apa siaran, pekeliling, notis atau apa-apa komunikasi lisan atau bertulis, sama ada disiarkan melalui perantara elektronik atau apa-apa media lain, atau apa-apa pameran di atas apa-apa papan tanda atau binaan, struktur atau peralatan lain, atau apa-apa bentuk komunikasi elektronik kepada orang awam bagi maksud mempromosikan sesuatu penyedia latihan kemahiran atau program latihan;

“industri” ertinya apa-apa aktiviti ekonomi, dan termasuklah aktiviti pertanian, pengilangan dan perkhidmatan;

“Inspektor” ertinya mana-mana pegawai awam yang dilantik di bawah seksyen 37 untuk melaksanakan apa-apa kewajipan tugas berkaitan dengan pemeriksaan dan pengesahan;

“kemahiran” ertinya suatu kebolehan yang diperoleh dan yang diamalkan untuk menjalankan sesuatu tugas atau kerja dengan cekap;

“Ketua Pengarah” ertinya mana-mana pegawai awam yang dilantik sebagai Ketua Pengarah Pembangunan Kemahiran di bawah seksyen 17;

“kurikulum” ertinya kandungan anjuran suatu program penyelidikan yang telah dibuat oleh suatu penyedia latihan kemahiran yang menunjukkan aktiviti yang dijalankan, masa yang diuntukkan kepada setiap aktiviti, dan turutannya;

“latihan kemahiran” ertinya aktiviti yang berdasarkan kerja dan berorientasikan industri yang bertujuan untuk mengadakan pengetahuan, kemahiran dan sikap yang dikehendaki bagi pelaksanaan sesuatu tugas atau kerja dengan berkesan dan cekap, dan termasuklah latihan ulang kaji, lanjutan, pengemaskinian dan khusus yang berkaitan dengan kerja;

“Majlis” ertinya Majlis Pembangunan Kemahiran Kebangsaan yang ditubuhkan di bawah seksyen 3;

“Menteri” ertinya Menteri yang dipertanggungkan dengan tanggungjawab bagi sumber manusia;

“pegawai penguat kuasa” ertinya mana-mana pegawai awam yang dilantik di bawah seksyen 40 untuk melaksanakan kewajipan yang berhubungan dengan penguatkuasaan dan penyiasatan;

“pelatih” ertinya seseorang yang menerima latihan kemahiran yang disediakan oleh penyedia latihan kemahiran;

“pengajar” ertinya seseorang yang bertanggungjawab bagi latihan kemahiran dan bagi membimbing, menyelia dan menilai kebolehan seseorang pelatih untuk mengasimilasikan aspek teori dan amali latihan itu;

“pentauliahan” ertinya suatu tatacara yang Ketua Pengarah menilai dan meluluskan sesuatu program latihan kemahiran;

“penyedia latihan kemahiran” ertinya suatu pertubuhan perbadanan, organisasi atau lain-lain kumpulan orang yang mengendalikan program latihan kemahiran yang maksud utamanya adalah bagi memenuhi kehendak Standard berkaitan;

“perkhidmatan awam” ertinya perkhidmatan awam di bawah Perkara 132(1) Perlembagaan Persekutuan;

“premis” ertinya mana-mana bangunan atau tempat lain yang digunakan untuk latihan, penginapan dan kemudahan lain untuk pelatih dan kakitangan penyedia latihan kemahiran atau pusat bertauliahan tetapi tidak termasuk mana-mana tanah yang didudukinya;

“program bertauliahan” ertinya program latihan yang telah diluluskan oleh Ketua Pengarah;

“program latihan” ertinya suatu kumpulan aktiviti latihan dan penilaian, dan hasil pembelajaran bagi suatu pekerjaan tertentu;

“pusat bertauliahan” ertinya suatu penyedia latihan kemahiran yang telah diberi kuasa oleh Ketua Pengarah untuk menjalankan suatu program bertauliahan sehingga kepada penganugerahan suatu Sijil;

“Sijil” ertinya kelayakan kemahiran yang dianugerahkan kepada seseorang oleh Ketua Pengarah di bawah seksyen 34;

“sijil pentauliahan” ertinya sijil yang dianugerahkan kepada penyedia latihan kemahiran untuk menjalankan suatu program bertauliahan;

“Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia” ertinya polisi, mekanisme Standard dan tatacara yang terlibat dalam penganugerahan suatu Sijil oleh Ketua Pengarah;

“Standard” ertinya Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan yang diwujudkan di bawah Bahagian IV Akta ini;

“tarikh yang ditetapkan” ertinya tarikh yang ditetapkan oleh Menteri di bawah subseksyen 1(2).

## BAHAGIAN II

### MAJLIS PEMBANGUNAN KEMAHIRAN KEBANGSAAN

#### **Penubuhan Majlis**

**3.** Suatu badan dengan nama Majlis Pembangunan Kemahiran Kebangsaan ditubuhkan.

#### **Fungsi Majlis**

**4. (1)** Fungsi Majlis ialah—

- (a) meluluskan Standard;
- (b) menasihati Menteri tentang perkara-perkara yang berhubungan dengan Akta ini;
- (c) menasihati Menteri tentang apa-apa perkara yang dirujukkan kepadanya oleh Menteri; dan
- (d) untuk melaksanakan apa-apa fungsi lain sebagaimana yang boleh ditetapkan dalam Akta ini.

## **Keanggotaan Majlis**

**5.** (1) Majlis hendaklah terdiri daripada anggota yang berikut yang dilantik oleh Menteri:

- (a) seorang Pengurus;
- (b) Ketua Pengarah; dan
- (c) sembilan orang anggota di mana—
  - (i) seorang anggota mewakili Unit Perancang Ekonomi di Jabatan Perdana Menteri;
  - (ii) seorang anggota mewakili Jabatan Perkhidmatan Awam;
  - (iii) seorang anggota mewakili Kementerian yang bertanggungjawab bagi pelajaran;
  - (iv) seorang anggota mewakili Kementerian yang bertanggungjawab bagi pengajian tinggi;
  - (v) seorang anggota mewakili Kementerian yang bertanggungjawab bagi sumber manusia;
  - (vi) seorang anggota mewakili Kementerian yang bertanggungjawab bagi belia dan sukan;
  - (vii) seorang anggota mewakili Kementerian yang bertanggungjawab bagi pembangunan usahawan;
  - (viii) seorang anggota mewakili Kementerian yang bertanggungjawab bagi pertanian; dan
  - (ix) seorang anggota mewakili Kementerian yang bertanggungjawab bagi kerja raya; dan
- (d) sepuluh orang anggota di mana—
  - (i) enam orang anggota mewakili sektor swasta;
  - (ii) seorang anggota yang mewakili penyedia latihan kemahiran swasta;
  - (iii) seorang anggota mewakili pertubuhan wanita; dan
  - (iv) dua orang anggota yang mempunyai, pada pendapat Menteri, pengetahuan khas atau pengalaman dalam latihan kemahiran.

(2) Menteri hendaklah, dalam membuat pelantikan di bawah perenggan (1)(d) mengambil kira kepentingan kumpulan dan pertubuhan yang berkenaan dengan latihan kemahiran dan hendaklah memilih orang yang pada pendapatnya mungkin menyumbang secara berkesan kepada fungsi Majlis.

(3) Menteri boleh bagi setiap anggota yang dilantik di bawah perenggan (1)(c) dan (1)(d) melantik seseorang menjadi anggota silih ganti untuk menghadiri mesyuarat Majlis menggantikan anggota itu apabila anggota itu tidak dapat hadir tanpa apa-apa sebab.

(4) Apabila menghadiri mesyuarat Majlis menggantikan anggota, seseorang anggota silih ganti hendaklah disifatkan sebagai seorang anggota Majlis.

### **Timbalan Pengerusi**

**6.** (1) Menteri hendaklah melantik seorang Timbalan Pengerusi daripada kalangan anggota Majlis.

(2) Timbalan Pengerusi hendaklah, semasa Pengerusi tidak hadir pada mana-mana mesyuarat, mempengerusikan mesyuarat itu.

### **Setiausaha**

**7.** Ketua Pengarah hendaklah melantik seorang pegawai awam daripada jabatan yang bertanggungjawab bagi pembangunan kemahiran menjadi setiausaha kepada Majlis.

### **Jawatankuasa**

**8.** (1) Majlis boleh menubuhkan apa-apa jawatankuasa yang difikirkan perlu atau suai manfaat untuk membantunya melaksanakan fungsinya di bawah Akta ini.

(2) Anggota sesuatu jawatankuasa yang ditubuhkan di bawah subseksyen (1) boleh dilantik daripada kalangan anggota Majlis.

(3) Pengerusi sesuatu jawatankuasa yang ditubuhkan di bawah subseksyen (1), boleh dilantik oleh Majlis daripada kalangan anggotanya.

(4) Jawatankuasa yang ditubuhkan di bawah subsekyen (1) boleh mengundang mana-mana orang untuk menghadiri mana-mana mesyuarat suatu jawatankuasa bagi maksud menasihatinya mengenai apa-apa perkara yang sedang dibincangkan.

(5) Anggota sesuatu jawatankuasa dan mana-mana orang yang diundang di bawah subseksyen (4) boleh dibayar apa-apa eluan sebagaimana yang ditentukan oleh Majlis dengan kelulusan Menteri.

### **Pelantikan, pelantikan semula, pembatalan dan peletakan jawatan**

**9.** (1) Tertakluk kepada apa-apa syarat yang dinyatakan dalam surat cara pelantikannya, Pengerusi yang dilantik di bawah perenggan 5(1)(a) dan tiap-tiap anggota Majlis yang dilantik di bawah perenggan 5(1)(d) hendaklah memegang jawatan bagi tempoh yang tidak melebihi tiga tahun.

(2) Menteri boleh melantik semula mana-mana anggota Majlis bagi tempoh tiga tahun.

(3) Pelantikan mana-mana anggota Majlis boleh pada bila-bila masa dibatalkan oleh Menteri tanpa memberikan apa-apa sebab bagi pembatalan itu.

(4) Seseorang anggota Majlis boleh pada bila-bila masa meletakkan jawatannya dengan memberikan notis bertulis yang dialamatkan kepada Menteri.

### **Anggota hendaklah menumpukan masa kepada Majlis**

**10.** Tiap-tiap anggota Majlis hendaklah menumpukan masa kepada urusan Majlis sebagaimana yang perlu bagi menunaikan kewajipannya dengan berkesan.

### **Pengosongan jawatan**

**11.** Jawatan seseorang anggota Majlis hendaklah menjadi kosong—

(a) jika dia mati;

- (b) jika telah dibuktikan terhadapnya, atau dia telah disabitkan atas, sesuatu pertuduhan berkenaan dengan—
  - (i) kesalahan yang melibatkan fraud, kecurangan atau keburukan akhlak;
  - (ii) kesalahan di bawah mana-mana undang-undang yang berhubungan dengan rasuah; atau
  - (iii) apa-apa kesalahan lain yang boleh dihukum dengan pemenjaraan (sama ada pemenjaraan sahaja atau sebagai tambahan kepada atau sebagai ganti suatu denda) selama lebih daripada dua tahun;
- (c) jika kelakuannya, sama ada yang berkaitan dengan tugasnya sebagai seorang anggota Majlis atau selainnya, yang dengan sedemikian rupa telah mencemarkan nama baik Majlis;
- (d) jika dia menjadi seorang bankrap;
- (e) jika dia tidak sempurna akal atau selainnya tidak berupaya untuk menunaikan kewajipannya;
- (f) jika dia meletakkan jawatannya; atau
- (g) jika dia tidak menghadiri mesyuarat Majlis tiga kali berturut-turut tanpa kebenaran Pengerusi, atau dalam hal Pengerusi dan Timbalan Pengerusi, tanpa kebenaran Menteri.

### **Mesyuarat**

**12.** (1) Majlis hendaklah bermesyuarat dengan seberapa kerap yang tidak luput lebih daripada tiga bulan antara mesyuarat.

(2) Dalam ketidakhadiran Pengerusi dan Timbalan Pengerusi, anggota yang hadir pada mesyuarat hendaklah memilih seorang anggota di kalangan anggota yang hadir untuk mempengerusikan mesyuarat.

(3) Kuorum Majlis ialah dua belas orang.

(4) Jika atas apa-apa persoalan yang hendak ditentukan oleh Majlis terdapat suatu bilangan undi yang sama banyak, Pengerusi, Timbalan Pengerusi atau anggota jika dia yang mempengerusikan

mesyuarat, hendaklah mempunyai undi pemutus sebagai tambahan kepada undi dalam perbincangannya.

**Majlis boleh mengundang orang lain menghadiri mesyuarat**

**13.** Majlis boleh mengundang mana-mana orang untuk menghadiri mana-mana mesyuarat Majlis bagi maksud membantu atau menasihatiinya tentang apa-apa perkara yang sedang dibincangkan, tetapi mana-mana orang yang hadir itu tidak berhak untuk mengundi dalam mesyuarat itu.

**Saraan atau elaun**

**14.** Anggota Majlis dan mana-mana orang lain yang diundang untuk menghadiri sesuatu mesyuarat Majlis boleh dibayar apa-apa saraan atau elaun sebagaimana yang ditentukan oleh Menteri, selepas berunding dengan Menteri Kewangan.

**Minit**

**15.** (1) Setiausaha hendaklah menyebabkan minit semua mesyuarat Majlis disenggarakan dan disimpan dalam bentuk yang sepatutnya.

(2) Apa-apa minit yang dibuat mengenai sesuatu mesyuarat Majlis hendaklah, jika ditandatangani dengan sewajarnya, boleh diterima sebagai keterangan dalam mana-mana prosiding undang-undang tanpa pembuktian selanjutnya.

(3) Tiap-tiap mesyuarat Majlis berkenaan dengan prosiding yang mengenainya minit telah dibuat sedemikian hendaklah disifatkan telah dipanggil dan diadakan dengan sewajarnya dan semua anggota pada mesyuarat itu layak untuk bertindak dengan sewajarnya.

**Tatacara**

**16.** Tertakluk kepada Akta ini, Majlis hendaklah menentukan tatacaranya sendiri.

**BAHAGIAN III****PELANTIKAN PEGAWAI****Pelantikan pegawai**

**17.** (1) Yang di-Pertuan Agong, atas nasihat Menteri, hendaklah melantik seorang pegawai awam untuk menjadi Ketua Pengarah Pembangunan Kemahiran bagi maksud menjalankan kuasa, melaksanakan fungsi dan menunaikan kewajipan yang diberikan kepada Ketua Pengarah di bawah Akta ini.

(2) Tanpa menjelaskan keluasan peruntukan subsekyen (1) atas kuasa, fungsi dan kewajipannya, Ketua Pengarah hendaklah bertanggungjawab bagi—

- (a) pentauliahan program latihan kemahiran; dan
- (b) pentadbiran dan pengawalan Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia.

(3) Ketua Pengarah hendaklah mempunyai suatu meterai rasmi bagi pengesahan dokumen yang dikehendaki bagi maksud menjalankan kuasa, melaksanakan fungsi dan menunaikan kewajipannya di bawah Akta ini.

(4) Yang di-Pertuan Agong, atas nasihat Menteri, boleh melantik seorang pegawai awam menjadi Timbalan Ketua Pengarah Pembangunan Kemahiran, sebagaimana yang perlu bagi maksud Akta ini.

(5) Menteri boleh melantik seorang pegawai awam menjadi Pengarah, Timbalan Pengarah, Ketua Penolong Pengarah, Penolong Kanan Pengarah dan Penolong Pengarah dan pegawai lain sebagaimana yang perlu bagi maksud Akta ini.

(6) Jika atas apa-apa sebab Ketua Pengarah tidak dapat menjalankan kuasanya, melaksanakan fungsinya atau menunaikan kewajipannya, kuasa itu hendaklah diambil alih dan bolehlah dijalankan, fungsinya dilaksanakan dan kewajipannya ditunaikan oleh Timbalan Ketua Pengarah.

### **Pewakilan kuasa**

**18.** (1) Ketua Pengarah boleh, secara bertulis, mewakilkan mana-mana fungsi atau kuasanya di bawah Akta ini, kecuali kuasa pewakilan ini, tertakluk kepada apa-apa syarat, batasan atau sekatan sebagaimana yang difikirkannya patut, kepada mana-mana pegawai awam dan pegawai awam yang kepadanya fungsi itu diwakilkan boleh melaksanakan fungsi itu mengikut cara yang sama dan dengan kesan yang sama seolah-olah fungsi itu telah diberikan kepadanya di bawah Akta ini.

(2) Pewakilan yang dibuat di bawah seksyen ini tidaklah menghalang Ketua Pengarah itu sendiri daripada melaksanakan atau menjalankan fungsi atau kuasa yang diwakilkan sedemikian.

### **Kuasa Menteri untuk memberikan arahan**

**19.** Menteri boleh, dari semasa ke semasa, memberikan arahan kepada Ketua Pengarah, yang selaras dengan peruntukan Akta ini dan Ketua Pengarah hendaklah, dengan seberapa segera yang mungkin, melaksanakan segala arahan sedemikian.

## **BAHAGIAN IV**

### **STANDARD KEMAHIRAN PEKERJAAN KEBANGSAAN**

#### **Penubuhan Standard**

**20.** (1) Ketua Pengarah hendaklah bertanggungjawab bagi mewujudkan Standard bagi maksud Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan.

(2) Ketua Pengarah boleh, mengikut budi bicaranya, membenarkan mana-mana orang, pertubuhan atau kumpulan orang yang lain untuk membangunkan Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan bagi pihaknya.

(3) Semua Standard yang dibangunkan di bawah subseksyen (1) dan (2), hendaklah menjadi harta Kerajaan.

(4) Semua Standard yang dibangunkan di bawah subseksyen (1) dan (2), hendaklah dikemukakan kepada Majlis untuk kelulusan.

(5) Atas kelulusan oleh Majlis di bawah subseksyen (4), Standard itu hendaklah menjadi sebahagian daripada Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan.

### **Kajian semula dan perubahan Standard**

**21.** (1) Ketua Pengarah boleh dari semasa ke semasa mengkaji semula Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan mengikut kepada keperluan pekerjaan yang berkaitan dengannya dan boleh mengubah mana-mana Standard itu.

(2) Mana-mana perubahan pada mana-mana bahagian Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan hendaklah dikemukakan kepada Majlis untuk kelulusan.

### **Penggunaan Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan**

**22.** (1) Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan hendaklah digunakan untuk membangunkan kurikulum kebangsaan bagi program latihan kemahiran.

(2) Bagi maksud menjalankan latihan kemahiran, semua program yang ditauliahkan hendaklah mematuhi Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan.

(3) Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan hendaklah digunakan sebagai ukuran kecekapan yang membawa kepada penganugerahan suatu Sijil.

(4) Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan boleh digunakan dalam apa-apa cara lain sebagaimana yang difikirkan patut oleh Ketua Pengarah.

BAHAGIAN V

PENTAULIAHAN

**Kriteria bagi pentauliah**

**23.** Mana-mana penyedia latihan kemahiran hendaklah memohon kepada Ketua Pengarah untuk diluluskan program latihan kemahirannya sebagai suatu program bertauliahan dan hendaklah memenuhi kriteria yang berikut:

- (a) ia mempunyai kurikulum latihan yang berupaya untuk menyediakan latihan dan penilaian kemahiran bagi memenuhi kehendak Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan yang berkaitan;
- (b) ia mempunyai, atau mempunyai akses kepada premis, kemudahan latihan atau teknologi bagi maksud menyediakan latihan kemahiran dan menjalankan penilaian bagi memenuhi kehendak Standard yang berkaitan;
- (c) ia mempunyai pekerja atau, mempunyai akses kepada, pengajar yang berkelayakan dan berkemahiran serta berupaya menyediakan latihan dan penilaian kemahiran bagi memenuhi kehendak Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan; dan
- (d) ia boleh memenuhi polisi dan tatacara jaminan kualiti yang telah ditetapkan oleh Ketua Pengarah.

**Permohonan bagi pentauliah**

**24.** (1) Permohonan daripada mana-mana penyedia latihan kemahiran bagi pentauliah program latihan hendaklah dibuat kepada Ketua Pengarah mengikut apa-apa bentuk dan cara sebagaimana yang ditetapkan oleh Menteri dalam peraturan-peraturan.

(2) Setiap permohonan hendaklah disertakan dengan apa-apa dokumen, maklumat dan fi sebagaimana yang ditetapkan oleh Menteri.

(3) Pada bila-bila masa selepas menerima permohonan pentauliah dan sebelum menentukannya, Ketua Pengarah boleh, melalui notis bertulis menghendaki penyedia latihan kemahiran untuk memberikan dokumen dan maklumat tambahan dalam tempoh yang ditentukan.

(4) Jika dokumen dan maklumat tambahan yang dikehendaki di bawah subseksyen (3) tidak diberikan oleh penyedia latihan kemahiran dalam tempoh yang ditentukan atau apa-apa tempoh lanjutan, sebagaimana yang dibenarkan oleh Ketua Pengarah, permohonan itu hendaklah disifatkan telah ditarik balik dan tidak diteruskan, tetapi suatu permohonan baru boleh dibuat oleh penyedia latihan kemahiran.

(5) Ketua Pengarah atau mana-mana pegawai daripada jabatan yang bertanggungjawab bagi pembangunan kemahiran hendaklah pada bila-bila masa yang munasabah memeriksa premis penyedia latihan kemahiran untuk menentusahkan kesahan permohonan.

### **Kuasa untuk melulus atau menolak permohonan**

**25.** Selepas permohonan dipertimbangkan di bawah subseksyen 24(1), Ketua Pengarah boleh—

- (a) melulus permohonan itu dan mengeluarkan suatu sijil pentauliahan kepada penyedia latihan kemahiran bagi tempoh tiga tahun; atau
- (b) menolak permohonan itu, dengan menyatakan sebab-sebab penolakan.

### **Sijil pentauliahan**

**26.** (1) Sijil pentauliahan hendaklah menyatakan premis tempat program yang ditauliahkan akan dijalankan.

(2) Penyedia latihan kemahiran hendaklah menyebabkan suatu salinan sijil pentauliahan dipamerkan di suatu tempat yang mudah dilihat di premis yang dinyatakan pada sijil pentauliahan.

(3) Atas penamatan untuk menyediakan latihan kemahiran bagi program yang ditauliahkan, penyedia latihan kemahiran itu hendaklah menyerahkan sijil pentauliahan kepada Ketua Pengarah dalam masa tiga bulan dari tarikh penamatan itu.

### **Permohonan bagi pembaharuan pentauliahan**

**27.** (1) Permohonan untuk pembaharuan pentauliahan hendaklah dibuat kepada Ketua Pengarah sekurang-kurangnya tiga bulan, tetapi tidak lebih daripada enam bulan, sebelum tarikh tamat

pentauliahan dan apa-apa permohonan itu hendaklah disertakan dengan apa-apa dokumen, maklumat dan fi sebagaimana yang telah ditetapkan oleh Menteri.

(2) Setelah permohonan untuk pembaharuan pentauliahan dipertimbangkan, Ketua Pengarah boleh—

- (a) melulus permohonan itu dan mengeluarkan suatu sijil pentauliahan kepada penyedia latihan kemahiran bagi suatu tempoh lanjutan selama tiga tahun; atau
- (b) menolak permohonan itu, dengan menyatakan sebab-sebab penolakan.

### **Kuasa untuk mengenakan syarat**

**28.** Ketua Pengarah boleh, pada masa itu atau selepas penganugerahan suatu sijil pentauliahan di bawah seksyen 25 atau 27, mengenakan apa-apa syarat jika difikirkan perlu atau suai manfaat dan boleh mengubah, meminda atau membatalkan mana-mana syarat atau mengenakan syarat-syarat baru atau tambahan dari semasa ke semasa.

### **Penggantungan atau pembatalan sijil pentauliahan**

**29.** (1) Ketua Pengarah boleh, pada bila-bila masa, menggantung atau membatalkan sijil pentauliahan yang telah dianugerahkan kepada penyedia latihan kemahiran di bawah perenggan 25(a) atau 27(2)(a)—

- (a) jika penyedia latihan kemahiran telah gagal mengekalkan Standard dan kualiti yang dikehendaki;
- (b) jika penyedia latihan kemahiran telah melanggar mana-mana syarat yang telah dilampirkan pada sijil pentauliahan; atau
- (c) atas mana-mana alasan lain yang munasabah.

(2) Suatu notis bertulis tentang niat untuk menggantung atau membatalkan sijil pentauliahan hendaklah disampaikan kepada penyedia latihan kemahiran dan notis itu hendaklah menyatakan alasan penggantungan atau pembatalan itu.

**Notis penggantungan atau pembatalan sijil pentaulahan**

**30.** Ketua Pengarah hendaklah menyebabkan supaya fakta itu disiarkan dalam surat khabar harian tempatan atau media elektronik, bagi makluman orang awam berkenaan dengan penggantungan atau pembatalan sijil pentaulahan mana-mana penyedia latihan kemahiran.

**BAHAGIAN VI****RAYUAN****Rayuan**

**31.** Mana-mana orang yang terkilan dengan—

- (a) keengganan Ketua Pengarah di bawah perenggan 25(b) untuk mengeluarkan suatu sijil pentaulahan;
- (b) keengganan Ketua Pengarah di bawah perenggan 27(2)(b) untuk mengeluarkan pembaharuan pentaulahan; atau
- (c) penggantungan atau pembatalan suatu sijil pentaulahan di bawah seksyen 29,

boleh merayu secara bertulis kepada Menteri dalam masa tiga puluh hari dari tarikh notis tentang keengganan, penggantungan atau pembatalan itu disampaikan kepada penyedia latihan kemahiran.

**Kuasa Menteri ke atas rayuan**

**32.** (1) Menteri atas suatu rayuan yang dibuat kepadanya di bawah seksyen 31, boleh mengesahkan, membatalkan atau mengubah keputusan Ketua Pengarah.

(2) Menteri hendaklah memaklumkan keputusannya dalam subseksyen (1) secara bertulis kepada Ketua Pengarah dan orang yang membuat rayuan itu.

**Keputusan Menteri ke atas rayuan**

**33.** Keputusan Menteri ke atas sesuatu rayuan adalah muktamad.

BAHAGIAN VII

SIJIL DAN PENGIFTIRAFAN

**Penganugerahan Sijil**

**34.** Ketua Pengarah boleh menganugerahkan, kepada mana-mana orang apabila menepati Standard dengan kelayakan kemahiran yang berikut:

- (a) Sijil Kemahiran Malaysia;
- (b) Diploma Kemahiran Malaysia;
- (c) Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia; atau
- (d) Penyata Pencapaian.

**Kehendak yang hendaklah dipenuhi sebelum Sijil boleh dianugerahkan**

**35.** Tiada seorang pun boleh dianugerahkan Sijil melainkan dia memenuhi kehendak yang ditetapkan oleh Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia.

**Pengiktirafan kelayakan kemahiran lain**

**36.** (1) Majlis boleh memberi pengiktirafan kepada mana-mana kelayakan kemahiran yang dikeluarkan oleh mana-mana badan atau organisasi di dalam dan di luar Malaysia sebagai setaraf dengan Sijil yang dianugerahkan di bawah seksyen 34.

(2) Bagi maksud pengiktirafan di bawah subseksyen (1), Majlis boleh menubuhkan suatu jawatankuasa penilaian dan pengiktirafan untuk menasihat dan membuat cadangan kepada Majlis ke atas perkara yang berhubungan dengan pengiktirafan itu.

BAHAGIAN VIII

PEMERIKSAAN PENYEDIA LATIHAN KEMAHIRAN

**Inspektor**

**37.** Bagi maksud Akta ini, Ketua Pengarah boleh melantik mana-mana pegawai daripada jabatan yang bertanggungjawab bagi

pembangunan kemahiran sebagai Inspektor untuk melaksanakan kewajipan pemeriksaan dan pengesahan di bawah Akta ini.

**Pemeriksaan hendaklah dibuat dari semasa ke semasa**

**38.** Inspektor hendaklah, dari semasa ke semasa, memeriksa penyedia latihan kemahiran di bawah Akta ini bagi maksud memastikan bahawa Akta ini dan peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini telah dan sedang dipatuhi.

**Kuasa untuk memeriksa penyedia latihan kemahiran**

**39.** Bagi maksud pemeriksaan atau pengesahan di bawah Akta ini, seseorang Inspektor boleh—

- (a) memasuki pada bila-bila masa mana-mana premis atau mana-mana bahagian premis yang dipunyai atau yang digunakan, sama ada secara tetap atau selainnya, oleh suatu penyedia latihan kemahiran bagi maksud menyediakan latihan kemahiran bagi program yang ditauliahkan;
- (b) memeriksa apa-apa buku, buku minit, daftar, dokumen, penyata kewangan, bahan atau barang lain dalam bentuk fizikal atau dalam perantara elektronik yang difikirkannya perlu;
- (c) membuat salinan atau mengambil cabutan daripada apa-apa buku, buku minit, daftar, dokumen, penyata kewangan, bahan atau barang lain dalam bentuk fizikal atau dalam perantara elektronik yang diperiksa di bawah perenggan (b); dan
- (d) menghendaki mana-mana orang, sebagai seorang anggota lembaga pengarah, seorang ketua eksekutif, pekerja atau seorang pelatih penyedia latihan kemahiran itu, supaya mengemukakan bagi pemeriksaannya apa-apa buku, buku minit, daftar, dokumen, penyata kewangan, bahan atau barang lain dalam bentuk fizikal atau perantara elektronik, yang berada dalam milikan atau jagaan orang itu atau di bawah kawalannya atau dalam kuasanya untuk memberi berhubung dengan—
  - (i) pengurusan penyedia latihan kemahiran; atau
  - (ii) latihan kemahiran yang dijalankan oleh penyedia latihan kemahiran itu.

## BAHAGIAN IX

### PENGUATKUASAAN DAN PENYIASATAN

#### **Pegawai penguat kuasa**

**40.** Bagi maksud Akta ini, Ketua Pengarah boleh melantik mana-mana pegawai daripada jabatan yang bertanggungjawab bagi pembangunan kemahiran atau mana-mana pegawai awam yang diberi kuasa secara bertulis oleh Ketua Pengarah sebagai pegawai penguat kuasa untuk melaksanakan apa-apa kewajipan yang berhubungan dengan penguatkuasaan dan penyiasatan di bawah Akta ini sebagaimana yang dinyatakan dalam pemberian kuasa itu.

#### **Kuasa pegawai penguat kuasa**

**41.** Seseorang pegawai penguat kuasa hendaklah mempunyai segala kuasa yang perlu untuk—

- (a) menyiasat apa-apa kesalahan di bawah Akta ini;
- (b) menjalankan apa-apa siasatan di bawah Akta ini; atau
- (c) menguatkuasakan mana-mana peruntukan di bawah Akta ini.

#### **Kuasa membuat pemeriksaan**

**42.** (1) Seseorang pegawai penguat kuasa boleh, melalui notis secara bertulis, menghendaki mana-mana orang yang tahu tentang fakta dan hal keadaan sesuatu kes untuk hadir di hadapannya dan untuk diperiksa secara lisan dan hendaklah mengubah ke dalam bentuk bertulis apa-apa pernyataan yang dibuat oleh orang yang diperiksa sedemikian.

(2) Apa-apa pernyataan yang dibuat, oleh mana-mana orang di bawah seksyen ini boleh diterima sebagai keterangan dalam mana-mana prosiding di dalam mahkamah di bawah Akta ini terhadap orang itu atau terhadap mana-mana orang lain.

**Pengemukaan dokumen, dsb.**

**43.** Semasa menjalankan suatu penyiasatan atau pemeriksaan di bawah Bahagian ini pegawai penguat kuasa boleh—

- (a) menghendaki mana-mana orang untuk mengemukakan kepadanya apa-apa buku, buku minit, daftar, penyata kewangan, dokumen, bahan atau barang lain dalam bentuk fizikal atau perantara elektronik; dan
- (b) memeriksa, membuat salinan, mengambil cabutan daripada, mengalihkan dan menahan apa-apa buku, buku minit, daftar, dokumen, penyata kewangan, bahan atau barang lain dalam bentuk fizikal atau perantara elektronik.

**Penyitaan dokumen, dsb.**

**44.** Jika seseorang pegawai penguat kuasa yang menjalankan suatu penyiasatan di bawah Akta ini mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa suatu kesalahan telah dilakukan terhadap Akta ini, dia boleh menyita apa-apa buku, buku minit, daftar, dokumen, penyata kewangan, bahan atau barang lain dalam bentuk fizikal atau perantara elektronik yang dikemukakan di bawah seksyen 43 dan apa-apa buku, buku minit, daftar, dokumen, penyata kewangan, bahan atau barang lain itu hendaklah diterima sebagai keterangan dalam mana-mana prosiding di dalam mahkamah di bawah Akta ini terhadap orang itu atau terhadap mana-mana orang lain.

**Permohonan waran geledah**

**45.** Jika seseorang pegawai penguat kuasa mempunyai sebab yang munasabah untuk mempercayai bahawa mana-mana premis telah digunakan, sedang digunakan atau hendak digunakan bagi, atau terdapat di dalam mana-mana premis, keterangan yang diperlukan untuk membuktikan perlakuan sesuatu kesalahan di bawah Akta ini, dia boleh memohon suatu waran geledah kepada seorang Majistret dengan cara maklumat bertulis secara sumpah.

**Kuasa Majistret untuk mengeluarkan waran geledah**

**46.** Jika Majistret berpuas hati bahawa adanya perlakuan kesalahan di bawah mana-mana peruntukan Akta ini, dia boleh mengeluarkan suatu waran geledah yang membenarkan pegawai penguat kuasa,

pada bila-bila masa yang munasabah sama ada siang atau malam dan dengan atau tanpa bantuan—

- (a) untuk memasuki premis itu, dengan kekerasan jika perlu;
- (b) untuk menggeledah dan menyita dan mengambil apa-apa buku, buku minit, daftar, dokumen, penyata kewangan, bahan, atau barang lain dalam bentuk fizikal atau perantara elektronik—
  - (i) yang berkenaan dengannya suatu kesalahan telah dilakukan;
  - (ii) yang berkenaan dengannya suatu kesalahan disyaki telah dilakukan; atau
  - (iii) yang semunasabahnya dipercayai dapat dijadikan keterangan tentang perlakuan kesalahan itu;
- (c) memecah buka mana-mana pintu luar atau pintu dalam premis itu atau mana-mana pagar, kepungan, pintu pagar atau halangan lain ke premis itu, supaya boleh memasuki ke dalamnya;
- (d) mengalihkan dengan kekerasan apa-apa halangan kepada kemasukan, penggeledahan, penyitaan atau pengalihan yang dia mempunyai kuasa untuk melakukan; atau
- (e) menahan tiap-tiap orang yang berada dalam premis itu sehingga premis itu selesai diperiksa.

**Kuasa untuk memasuki premis tanpa waran atau notis**

**47.** Seseorang pegawai penguat kuasa hendaklah, bagi maksud memastikan sama ada peruntukan Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawah Akta ini atau terma dan syarat mana-mana pendaftaran atau pentaulianan di bawah Akta ini dipatuhi, mempunyai kuasa tanpa waran atau notis pada semua masa yang munasabah untuk memasuki ke dalam premis mana-mana penyedia latihan kemahiran di mana latihan kemahiran itu dijalankan dan membuat siasatan atau pemeriksaan yang difikirkan perlu bagi maksud itu.

### **Penggeledahan dan penyitaan tanpa waran**

**48.** Jika seseorang pegawai penguat kuasa mempunyai sebab yang munasabah untuk mempercayai bahawa, disebabkan kelengahan mendapatkan suatu waran geledah di bawah seksyen 46—

- (a) penyiasatan itu akan terjejas;
- (b) tujuan kemasukan itu mungkin akan terhalang;
- (c) buku, buku minit, daftar, dokumen, penyata kewangan, bahan atau barang lain yang dicari mungkin dialihkan atau diganggu; atau
- (d) keterangan yang dicari mungkin diganggu atau dimusnahkan,

dia boleh menjalankan dalam, dan berkenaan dengan, premis itu segala kuasa yang disebut dalam seksyen 46 secara sepenuhnya dan secukupnya seolah-olah dia telah diberi kuasa berbuat sedemikian oleh suatu waran yang dikeluarkan di bawah seksyen itu.

### **Kuasa untuk mengelak**

**49.** (1) Jika pegawai penguat kuasa mempunyai sebab yang munasabah untuk mempercayai bahawa mana-mana program yang ditauliahkan sedang dijalankan di mana-mana premis—

- (a) tanpa ditetapkan dalam sijil pentaulahan di bawah subseksyen 26(1); atau
- (b) dengan melanggar mana-mana syarat yang dikenakan oleh Menteri atau Ketua Pengarah,

pegawai penguat kuasa itu boleh dengan serta-merta mengambil apa-apa langkah yang disifatkannya perlu atau dengan apa-apa cara mengelak premis itu.

(2) Penyedia latihan kemahiran yang menggunakan premis yang telah dilakukannya hendaklah—

- (a) dalam masa dua puluh satu hari dari pengelakan itu mengemukakan kepada Ketua Pengarah sijil pentaulahan; dan
- (b) menanggung apa-apa kos yang ditanggung berbangkit daripada tindakan itu.

- (3) Pengelakan itu hendaklah dibuka jika—
- (a) penyedia latihan kemahiran itu mematuhi kehendak subseksyen (2); atau
  - (b) suatu perintah mahkamah diperoleh terhadap penyedia latihan kemahiran itu untuk berhenti daripada menggunakan rumah, bangunan, premis atau tempat itu,

mana-mana satu yang lebih awal.

(4) Pegawai penguat kuasa yang melakukan tindakan di bawah seksyen ini tidaklah bertanggungan bagi apa-apa kos yang berbangkit daripada tindakan atau kerosakan pada premis yang dilakuk di bawah seksyen ini melainkan jika kerosakan itu dilakukan dengan sengaja.

(5) Apa-apa tindakan yang dilakukan di bawah seksyen ini berkenaan dengan premis itu tidaklah menghalang pendakwaan terhadap mana-mana penyedia latihan kemahiran yang menggunakan premis itu yang berlawanan dengan Akta ini.

### **Pengemukaan kad kuasa**

**50.** (1) Seseorang pegawai penguat kuasa atau Inspektor apabila menjalankan mana-mana kuasanya di bawah Akta ini hendaklah mengisyiharkan jawatannya dan hendaklah mengemukakan kepada orang yang terhadapnya yang dia bertindak atau daripadanya dia menghendaki apa-apa maklumat itu, kad kuasa sebagaimana yang diarahkan oleh Ketua Pengarah dibawa oleh pegawai itu.

(2) Kad kuasa yang dinyatakan dalam subseksyen (1) hendaklah dikeluarkan oleh Ketua Pengarah.

### **Tiada hak ke atas kos prosiding, ganti rugi atau relief lain, dsb.**

**51.** Tiada seorang pun hendaklah, dalam apa-apa prosiding di hadapan mana-mana mahkamah berkenaan dengan apa-apa jua yang disita atau ditahan dalam menjalankan atau berupa menjalankan mana-mana kuasa yang diberikan di bawah Bahagian ini, berhak mendapat kos prosiding itu atau apa-apa ganti rugi atau relief lain, selain suatu perintah untuk pemulangan benda yang disita

atau ditahan itu, atau bayaran berdasarkan nilainya melainkan penyitaan atau penahanan itu dibuat tanpa sebab yang munasabah atau berpatutan.

## BAHAGIAN X

### KESALAHAN DAN PENALTI

#### **Pengambilan pelatih tanpa sijil pentaulahan**

**52.** Mana-mana orang yang mengambil pelatih bagi suatu program latihan yang didakwa sebagai program yang ditauliahkan tanpa suatu sijil pentaulahan yang sah di bawah seksyen 26 adalah melakukan suatu kesalahan di bawah Akta ini dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

#### **Larangan ke atas pengiklanan, dsb.**

**53.** (1) Tiada seorang pun boleh mengemukakan dirinya sebagai atau mempromosikan sesuatu penyedia latihan kemahiran sebagai suatu pusat bertauliah, sama ada melalui iklan, prospektus, risalah atau selainnya, melainkan penyedia latihan kemahiran telah mempunyai suatu program latihan kemahiran yang ditauliahkan di bawah Akta ini.

(2) Tiada seorang pun boleh mempromosi suatu program latihan kemahiran sebagai suatu program yang ditauliahkan, sama ada melalui iklan, prospektus, risalah atau selainnya, melainkan program latihan kemahiran itu telah ditauliahkan di bawah Akta ini.

(3) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) dan (2) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi dua ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

#### **Kawalan pengiklanan**

**54.** (1) Jika Ketua Pengarah berpendapat bahawa apa-apa pernyataan yang dibuat dalam mana-mana iklan berhubung dengan sesuatu penyedia latihan kemahiran adalah palsu, tidak benar, menyinggung

perasaan atau mengelirukan, Ketua Pengarah boleh melalui notis secara bertulis mengarahkan supaya penyedia latihan kemahiran itu melakukan kesemua atau mana-mana daripada yang berikut:

- (a) menghentikan penyiaran atau pameran iklan yang sedang diteruskan itu;
- (b) mengubahsuai iklan itu mengikut apa-apa cara yang ditentukan oleh Ketua Pengarah;
- (c) menghentikan penyiaran atau pameran mana-mana iklan yang keseluruhannya atau sebahagianya ialah suatu pengulangan iklan itu;
- (d) mengambil segala langkah yang praktik untuk menarik balik iklan itu daripada tiap-tiap penyiaran atau pamerannya; atau
- (e) menyiarkan suatu pernyataan mengikut cara sebagaimana dengan iklan yang dikeluarkan sebelumnya untuk menarik balik atau mengubahsuai iklan itu.

(2) Ketua Pengarah boleh mengubah, menambah kepada, mengubah pinda, membatalkan atau selainnya meminda apa-apa arahan yang dikeluarkan di bawah subseksyen (1), melalui notis secara bertulis kepada penyedia latihan kemahiran yang berkenaan.

(3) Mana-mana iklan berhubung dengan penyedia latihan kemahiran itu hendaklah mengandungi nombor kelulusan pendaftaran penyedia latihan kemahiran dan petaulahan program.

(4) Mana-mana orang atau penyedia latihan kemahiran yang melanggar arahan Ketua Pengarah di bawah subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi dua ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

### **Kesalahan dan penalti yang berhubungan dengan persijilan**

**55.** (1) Mana-mana orang yang, atau mana-mana institusi atau penyedia latihan kemahiran yang mengeluarkan atau menganugerahkan kepada mana-mana orang, atau yang ada dalam milikannya apa-apa sijil palsu secara yang berlawanan dengan peruntukan Akta ini melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi dua puluh ribu ringgit tetapi

tidak melebihi dua ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak kurang daripada satu tahun tetapi tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

(2) Mana-mana penyedia latihan kemahiran selain pusat yang ditauliahkan yang mengeluarkan atau menganugerahkan apa-apa persijilan yang didakwa sebagai mematuhi Standard melakukan suatu kesalahan di bawah Akta ini dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi dua ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya.

### **Penalti bagi pelanggaran syarat**

**56.** Sesuatu penyedia latihan kemahiran yang melanggar mana-mana syarat yang dikenakan di bawah seksyen 28 melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi dua puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

### **Kesalahan dan penalti yang berhubungan dengan permohonan yang dibuat di bawah Akta**

**57.** Mana-mana orang yang, semasa membuat permohonan bagi pentauliahan suatu program latihan kemahiran di bawah Akta ini, membuat apa-apa pernyataan yang diketahuinya adalah palsu, atau yang dia percaya adalah tidak benar, atau sengaja menyembunyikan apa-apa fakta yang material, atau memberikan apa-apa maklumat yang mengelirukan dalam apa-apa butiran material melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi dua puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

### **Kesalahan dan penalti yang berhubungan dengan sijil pentauliahan**

**58.** Jika—

- (a) sesuatu penyedia latihan kemahiran gagal untuk menyebabkan dipamerkan suatu salinan sijil pentauliahan mengikut subseksyen 26(2); atau

- (b) sesuatu penyedia latihan kemahiran yang telah terhenti daripada menyediakan latihan kemahiran gagal menyerahkan sijil pentauliahan itu kepada Ketua Pengarah mengikut subseksyen 26(3),

penyedia latihan kemahiran itu melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi dua puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

**Kesalahan yang berhubungan dengan pemeriksaan, penguatkuasaan dan penyiasatan****59. Mana-mana orang—**

- (a) yang gagal mengemukakan apa-apa buku, buku minit, daftar, dokumen, penyata kewangan, bahan atau barang lain dalam bentuk fizikal atau perantara elektronik yang dikehendaki oleh Inspektor di bawah seksyen 39; atau
- (b) yang menghalang atau enggan membenarkan seseorang Inspektor di bawah seksyen 39 untuk—
- (i) memasuki mana-mana kawasan termasuk bangunan atau struktur di atasnya yang dipunyai atau digunakan oleh, sama ada secara tetap atau selainnya, atau sama ada didaftarkan atau tidak bagi kegunaan, oleh suatu penyedia latihan kemahiran;
  - (ii) memeriksa apa-apa buku, buku minit, daftar, dokumen, penyata kewangan, bahan atau barang lain dalam bentuk fizikal atau perantara elektronik, yang difikirkannya perlu;
  - (iii) mengalih dan menahan apa-apa buku, daftar, dokumen, penyata kewangan, bahan atau barang lain dalam bentuk fizikal atau perantara elektronik yang pada pendapatnya, boleh dijadikan keterangan tentang pelakuan suatu kesalahan di bawah Akta ini; dan
  - (iv) menghendaki mana-mana orang, sebagai seorang anggota lembaga pengarah, seorang ketua eksekutif, seorang pekerja atau seorang pelatih penyedia latihan kemahiran itu, untuk mengemukakan bagi pemeriksaannya apa-apa buku, buku minit, daftar, dokumen, penyata kewangan, bahan atau barang

lain dalam bentuk fizikal atau perantara elektronik yang berada dalam milikan atau jagaan orang itu atau di bawah kawalannya atau dalam kuasanya untuk memberi yang berkenaan dengan pengurusan penyedia latihan kemahiran atau berkenaan dengan latihan kemahiran yang dijalankan oleh penyedia latihan kemahiran itu.

- (c) yang disaman di bawah seksyen 42 dan tanpa alasan yang munasabah, gagal untuk hadir pada masa dan di tempat yang dinyatakan dalam saman itu, atau yang, setelah hadir, enggan untuk menjawab apa-apa soalan yang dikemukakan kepadanya menurut undang-undang;
- (d) yang gagal mengemukakan apa-apa buku, buku minit, daftar, dokumen, penyata kewangan, bahan atau barang lain dalam bentuk fizikal atau perantara elektronik yang dikehendaki oleh pegawai penguat kuasa di bawah seksyen 43;
- (e) yang memasuki premis yang dilak tanpa alasan yang munasabah atau keizinan bertulis daripada pegawai penguat kuasa;
- (f) yang memindahkan apa-apa buku, buku minit, daftar, dokumen, penyata kewangan, bahan atau barang lain dalam bentuk fizikal atau perantara elektronik daripada premis yang dilak tanpa keizinan bertulis daripada pegawai penguat kuasa; atau
- (g) yang menggalang atau menghalang seorang pegawai penguat kuasa semasa menjalankan mana-mana kuasanya di bawah seksyen 41, 42, 43, atau 47,

melakukan suatu kesalahan di bawah Akta ini dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi dua puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

### **Penalty am**

**60.** Mana-mana orang yang melakukan suatu kesalahan di bawah Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawah Akta ini yang tiada penalti diperuntukkan secara nyata dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit.

**Penalty dalam hal kesalahan yang berterusan**

**61.** Mana-mana orang yang melakukan suatu kesalahan di bawah Akta ini hendaklah, dalam hal kesalahan yang berterusan, apabila disabitkan, sebagai tambahan kepada apa-apa penalti lain yang boleh disabitkan ke atasnya di bawah Akta ini berkenaan dengan kesalahan itu, dikenakan denda harian tidak melebihi satu ribu ringgit bagi setiap hari kesalahan itu berterusan selepas sabitan.

**Kesalahan oleh pertubuhan perbadanan, dsb.**

**62.** Jika suatu kesalahan di bawah Akta ini telah dilakukan oleh pertubuhan perbadanan, perkongsian atau persatuan—

- (a) dalam hal suatu pertubuhan perbadanan, mana-mana orang yang merupakan pengarah, pengurus, setiausaha atau pegawai lain yang setaraf bagi pertubuhan perbadanan itu pada masa pelakuan kesalahan itu;
- (b) dalam hal suatu perkongsian, tiap-tiap pekongsi dalam perkongsian itu pada masa pelakuan kesalahan itu; atau
- (c) dalam hal suatu persatuan, tiap-tiap pemegang jawatan persatuan itu pada masa pelakuan kesalahan itu,

boleh dipertuduh secara berasingan atau bersesama dalam prosiding yang sama dengan pertubuhan perbadanan, perkongsian atau persatuan dan hendaklah disifatkan telah melakukan kesalahan itu melainkan jika dia membuktikan bahawa kesalahan itu telah dilakukan tanpa pengetahuannya atau pembiarannya atau bahawa dia telah mengambil segala langkah berhati-hati yang munasabah atau bahawa dia telah melakukan segala usaha yang wajar bagi mengelakkan kesalahan itu daripada berlaku.

**Tanggungjawab penyedia latihan kemahiran bagi kesalahan yang dilakukan oleh anggota lembaga pengarah, pegawai, pekerja atau ejen**

**63.** (1) Jika suatu kesalahan terhadap mana-mana peruntukan Akta ini telah dilakukan oleh orang yang pada masa kesalahan itu dilakukan adalah—

- (a) seorang anggota lembaga pengarah;

- (b) seorang pegawai;
- (c) seorang pekerja; atau
- (d) seorang ejen,

penyedia latihan kemahiran, maka penyedia latihan kemahiran itu hendaklah disifatkan telah juga melakukan kesalahan itu.

(2) Dalam sesuatu pendakwaan terhadap sesuatu penyedia latihan kemahiran di bawah subseksyen (1) berdasarkan kesalahan yang dilakukan oleh—

- (a) seorang anggota lembaga pengarah;
- (b) seorang pegawai;
- (c) seorang pekerja; atau
- (d) seorang ejen,

penyedia latihan kemahiran itu, maka hendaklah menjadi suatu pembelaan bagi mana-mana penyedia latihan kemahiran yang didakwa di bawah subseksyen (1) jika penyedia latihan kemahiran itu membuktikan—

- (aa) bahawa kesalahan itu telah dilakukan tanpa pengetahuan atau pemberian penyedia latihan kemahiran itu; atau
- (ab) bahawa penyedia latihan kemahiran itu telah—
  - (i) mengambil segala langkah berhati-hati yang munasabah; dan
  - (ii) menjalankan segala usaha yang wajar,

untuk mencegah pelakuan kesalahan itu sebagaimana yang sepatutnya diambil dan dijalankan oleh penyedia latihan kemahiran itu, dengan mengambil kira jenis fungsi anggota lembaga pengarah, pegawai, pekerja atau ejen atas sifat itu dan segala hal keadaan.

### **Pengkompaunan kesalahan**

**64.** (1) Ketua Pengarah boleh, dengan keizinan secara bertulis Pendakwa Raya, mengkompaunkan apa-apa kesalahan yang dilakukan oleh mana-mana orang di bawah seksyen 55, 58, 59 atau 60 Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawah Akta ini yang ditetapkan sebagai suatu kesalahan yang boleh

dikompaunkan melalui peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini dengan membuat suatu tawaran bertulis kepada orang yang telah melakukan kesalahan itu untuk mengkompaunkan kesalahan itu apabila dibayar kepada Ketua Pengarah suatu amaun wang yang tidak melebihi lima puluh peratus daripada amaun denda maksimum bagi kesalahan itu dalam masa yang dinyatakan dalam tawaran itu.

(2) Sesuatu tawaran di bawah subseksyen (1) boleh dibuat pada bila-bila masa selepas kesalahan itu dilakukan, tetapi sebelum apa-apa pendakwaan baginya dimulakan dan jika amaun yang dinyatakan dalam tawaran itu tidak dibayar dalam masa yang dinyatakan dalam tawaran itu atau dalam apa-apa tempoh lanjutan yang diberikan oleh Ketua Pengarah, pendakwaan bagi kesalahan itu bolehlah dimulakan pada bila-bila masa selepas itu terhadap orang yang kepadanya tawaran itu dibuat.

(3) Jika sesuatu kesalahan telah dikompaunkan di bawah subseksyen (1), tiada pendakwaan boleh dimulakan berkenaan dengan kesalahan itu terhadap orang yang kepadanya tawaran untuk mengkompaun itu dibuat dan apa-apa benda yang disita berkaitan dengan kesalahan itu boleh dilepaskan atau dilucutahkan kepada jabatan yang bertanggungjawab bagi pembangunan kemahiran sebagaimana yang ditetapkan oleh Ketua Pengarah, tertakluk kepada apa-apa terma dan syarat sebagaimana yang difikirkannya patut.

(4) Semua jumlah wang yang diterima oleh jabatan yang bertanggungjawab bagi pembangunan kemahiran di bawah seksyen ini hendaklah dibayar ke dalam dan menjadi sebahagian daripada Kumpulan Wang Disatukan Persekutuan.

### **Pemulaan pendakwaan**

**65.** Pendakwaan berkenaan dengan sesuatu kesalahan di bawah Akta ini tidak boleh dimulakan tanpa kebenaran bertulis Pendakwa Raya.

### **Anggapan**

**66.** Dalam apa-apa prosiding bagi suatu kesalahan di bawah Akta ini apabila telah dibuktikan bahawa apa-apa permohonan, maklumat, butir-butir, penyata, akaun, rekod, dokumen atau pernyataan, sama ada bertulis atau tidak, adalah—

- (a) palsu atau tidak benar pada keseluruhan atau sebahagiannya; atau

(b) mengelirukan dalam apa-apa hal material,

maka hendaklah dianggapkan sehingga dibuktikan sebaliknya bahawa permohonan, maklumat, butir-butir, pernyataan, akaun, rekod, dokumen atau pernyataan itu adalah palsu atau tidak benar pada keseluruhannya atau sebahagiannya atau mengelirukan dalam apa-apa hal material, mengikut mana-mana yang berkenaan, pada pengetahuan orang yang menandatangani, menghantar atau membekalkannya.

## BAHAGIAN XI

### AM

#### **Pengiktirafan Sijil**

**67.** Sijil yang dianugerahkan di bawah seksyen 34 Akta ini hendaklah dipertimbangkan bagi maksud kelayakan masuk bekerja ke dalam perkhidmatan awam, badan berkanun atau pihak berkuasa tempatan mengikut cara dan tatacara yang ditentukan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam.

#### **Pekhidmat awam**

**68.** Tiap-tiap orang yang dilantik, atau yang secara sah menjalankan kuasa seseorang yang dilantik di bawah Akta ini, hendaklah disifatkan sebagai pekhidmat awam mengikut pengertian Kanun Keseksaan [Akta 574].

#### **Perlindungan daripada tindakan guaman dan prosiding undang-undang**

**69.** Tiada tindakan boleh diambil atau pendakwaan boleh dibawa, dimulakan atau diteruskan terhadap Ketua Pengarah atau terhadap mana-mana pegawai Kerajaan atau mana-mana orang yang bertindak di bawah arahan Menteri atau Ketua Pengarah di dalam mana-mana mahkamah bagi apa-apa perkara yang dilakukan atau ditinggalkan daripada dilakukan di bawah Akta ini—

(a) dengan suci hati;

- (b) dengan munasabahnya mempercayai bahawa perkara itu perlu bagi maksud yang diniatkan untuk disampaikan; atau
- (c) bagi melaksanakan peruntukan Akta ini.

## **Daftar**

**70.** (1) Ketua Pengarah hendaklah menyimpan atau menyebabkan disimpan daftar mengikut apa-apa bentuk dan cara sebagaimana yang ditetapkan mengenai—

- (a) semua Standard yang diluluskan oleh Majlis di bawah seksyen 20;
- (b) semua sijil petaulahan yang dikeluarkan di bawah seksyen 26 yang mengandungi semua butir berkaitan dengan penyedia latihan kemahiran dan program yang bertauliahan yang dijalankan oleh mereka;
- (c) semua Sijil yang dianugerahkan di bawah seksyen 34; dan
- (d) mana-mana rekod lain sebagaimana yang difikirkan sesuai oleh Ketua Pengarah.

(2) Orang awam boleh membuat suatu carian pada daftar dengan membayar fi yang ditetapkan.

## **Obligasi kerahsiaan**

**71.** (1) Kecuali bagi mana-mana maksud Akta ini atau bagi maksud apa-apa prosiding sivil atau jenayah di bawah mana-mana undang-undang bertulis, tiada anggota Majlis, anggota sesuatu jawatankuasa, pegawai, pekhidmat atau ejen jabatan yang bertanggungjawab bagi pembangunan kemahiran boleh mendedahkan apa-apa maklumat yang telah diperolehnya semasa menjalankan kewajipannya dan yang tidak disiarkan menurut Akta ini.

(2) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi dua puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

### **Kuasa untuk membuat peraturan-peraturan**

**72.** (1) Menteri boleh membuat peraturan-peraturan yang suai manfaat atau perlu bagi melaksanakan dengan baik peruntukan Akta ini.

(2) Tanpa menjaskankan keluasan makna subseksyen (1), peraturan-peraturan boleh dibuat bagi menetapkan—

- (a) tatacara, cara dan borang bagi pentauliahan dan pembaharuan pentauliahan;
- (b) tatacara, cara dan borang bagi penilaian dan pengiktirafan kelayakan kemahiran;
- (c) tatacara, cara dan borang bagi permohonan bagi ujian kemahiran dan penganugerahan kelayakan kemahiran;
- (d) fi dan caj yang dikenakan berkenaan apa-apa perkara yang dilakukan di bawah Akta ini;
- (e) tatacara yang hendaklah diikuti berkenaan dengan pengiklanan oleh penyedia latihan kemahiran;
- (f) kesalahan yang boleh dikompaunkan dan tatacara bagi pengkompaunan kesalahan itu;
- (g) tatacara bagi penggantungan atau pembatalan sijil pentauliahan;
- (h) tatacara, cara dan bentuk penguatkuasaan dan penyiasatan di bawah Akta ini; atau
- (i) apa-apa perkara lain yang perlu atau suai manfaat bagi maksud Akta ini.

(3) Peraturan-peraturan yang dibuat di bawah seksyen ini boleh memperuntukkan bahawa pelanggaran mana-mana peruntukan dalam peraturan-peraturan adalah suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit, atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

### **Kuasa Menteri untuk mengecualikan**

**73.** (1) Menteri boleh, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta* mengecualikan, tertakluk kepada apa-apa syarat sebagaimana yang difikirkannya patut untuk dikenakan—

- (a) mana-mana penyedia latihan kemahiran yang didaftarkan sewajarnya di bawah mana-mana undang-undang yang berkuat kuasa berkenaan dengan latihan kemahiran;

- (b) mana-mana orang atau kumpulan orang; atau
- (c) mana-mana penyedia latihan kemahiran,

dari pada semua atau mana-mana peruntukan Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawah Akta ini.

(2) Menteri boleh, pada bila-bila masa, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*, membatalkan apa-apa perintah yang dibuat di bawah subseksyen (1) jika dia berpuas hati bahawa pengecualian itu tidak lagi patut diberikan.

## BAHAGIAN XII

### PERUNTUKAN PERALIHAN DAN KECUALIAN

#### **Pentauliahan program latihan kemahiran selepas permulaan kuat kuasa Akta ini**

**74.** Mana-mana orang atau kumpulan orang, yang sebaik sebelum tarikh yang ditetapkan, menjalankan aktiviti latihan kemahiran boleh terus berbuat demikian dalam tempoh dua belas bulan dari tarikh yang ditetapkan, tetapi dalam tempoh itu orang atau kumpulan orang itu hendaklah, secepat yang dapat dilaksanakan, memohon bagi pentauliahan di bawah Akta ini.

---

**UNDANG-UNDANG MALAYSIA**

**Akta 652**

**AKTA PEMBANGUNAN KEMAHIRAN  
KEBANGSAAN 2006**

**SENARAI PINDAAN**

Undang-undang  
yang meminda

Tajuk ringkas

Berkuat kuasa  
dari

**-TIADA-**

---

**UNDANG-UNDANG MALAYSIA**

**Akta 652**

**AKTA PEMBANGUNAN KEMAHIRAN  
KEBANGSAAN 2006**

**SENARAI SEKSYEN YANG DIPINDA**

Seksyen	Kuasa meminda	Berkuat kuasa dari
---------	---------------	-----------------------

**-TIADA-**

---